

Ketua jabatan diminta teliti teguran Ketua Audit Negara

Putrajaya: Semua ketua setiausaha (KSU) kementerian, ketua pengarah dan ketua jabatan diminta meminitkan perbincangan mengenai Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bagi memperbaiki tatakelola pentadbiran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau akan mencadangkan perkara itu kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali untuk dilaksanakan, terutama dalam menangani isu ketirisan.

“Saya minta semua ketua jabatan teliti bukan sahaja perkara yang disentuh mengenai jabatan berkenaan, tetapi melihat keseluruhan usul cadangan untuk memperbaiki tatakelola.

“Saya akan cadang kepada KSN (Ketua Setiausaha Negara) supaya semua ini diminitkan. Ketua jabatan, ketua pengarah atau KSU harus meminitkan perbincangan mengenai LKAN agar disampaikan kepada KSN, supaya dipastikan ia dibincang kerangka besar isu laporan dan teguran ketua audit negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Perjumpaan Perdana Menteri bersama Warga Jabatan Perdana Menteri di sini,

semalam.

Anwar berkata, cadangan meminitkan LKAN itu juga penting bagi menyentuh kedudukan di jabatan terbabit, sekali gus tidak mengulangi masalah sama.

“Saya dahulu masa (menjadi) Menteri Kewangan, saya mempekerusikan jawatankuasa penguurusan (berkaitan) antirasuah, satu jawatan tidak popular kerana ada menteri yang marah kepada saya.

Pada masa itu kita sudah mengulas LKAN (dan didapati) ada masalah terus menerus berlaku.

“Kalau saudara baca laporan beberapa tahun lalu, jam yang patut (berharga) RM400, dikenakan bayaran RM4,000, ada buku sekolah yang tak sampai kepada pelajar, tetapi (harga buku) dibayar dan perkara seperti ini, kadang-kadang berulang kerana pemantauan kita lemah dan saya katakan ia adalah kerja tanpa nilai,” katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan penjawat awam supaya mengekalkan asas untuk mendalami ilmu.

Katanya, penekanan perkara asas itu penting kerana penjawat awam mempunyai tugas yang lebih berbanding profesional lain.

“Tidak ada salah menimba pengalaman di Barat, tetapi jangan hilang jati diri kita sebagai Muslim, sebagai anak Malaysia dengan kebanggaan kebudayaan tamadun Asia,” katanya.